

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5/3/2013

## PM, isteri beri penghormatan terakhir kepada dua perwira negara

UM-5/3/2013

KUALA LUMPUR  
4 Mac - Perdana  
Menteri, Datuk  
Seri Najib Tun Ra-  
zak serta isteri,  
Datin Seri Rosmah  
Mansor memberi  
penghorma-



**PENCEROBOHAN  
BERDARAH DI SABAH**

tan terakhir ke atas jenazah dua  
anggota pasukan keselamatan  
yang tiba di pangkalan Tentera  
Udara Diraja Malaysia (TUDM) di  
Subang dekat sini hari ini.

Jenazah Lans Koperal Mohd. Az-  
rul Tukiran dan Supritendan Ibrahim  
Lebar selamat tiba dengan pesawat  
Charlie C130 pukul 6.35 petang.

Yang turut hadir Timbalan Per-  
dana Menteri, Tan Sri Muhyiddin  
Yassin serta isteri, Puan Sri No-  
raimee Abdul Rahman; bekas Per-  
dana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mo-  
hamad serta Tun Dr. Siti Hasmah  
Mohd. Ali dan Ketua Wanita UMNO,  
Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Sultanah Terengganu, Sultanah  
Nur Zahirah; Sultanah Johor, Raja  
Zarith Sofia dan anakanda Sultan  
Johor, Tunku Laksamana Tunku  
Abdul Jalil turut berkenan hadir  
memberi penghormatan.

Suasana pilu yang menyelubungi

ketibaan jenazah  
pukul 6.35 petang  
itu bukan sahaja  
disambut dengan  
lihtangan airmata  
kaum keluarga  
dan sanak saudara  
terdekat bahkan

dirasai lebih 500 pegawai dan an-  
gota Polis Diraja Malaysia (PDRM)  
yang sama-sama menanti di pang-  
kalan udara berkenaan.

Jenazah yang dibawa dengan  
pesawat Charlie C130 itu dibawa  
masuk ke ruang menunggu untuk  
diberikan penghormatan terakhir.

Doa dibaca dan di amin oleh hadirin  
sebelum kedua-dua jenazah dibawa de-  
ngan van jenazah ke kampung halaman  
masing-masing untuk pengebumian.

Jenazah Ibrahim dibawa ke ru-  
mahnya di Subang Jaya manakala  
Mohd. Azrul dibawa ke Klang deng-  
gan diiringi kenderaan TUDM dan  
pasukan keselamatan.

Jenazah Ibrahim selamat dike-  
bumikan di Tanah Perkuburan Is-  
lam USJ 22, Subang Jaya, kira-kira  
pukul 10 malam manakala Mohd.  
Azrul di Tanah Perkuburan Islam  
Jalan Shapadu, Kampung Rantau  
Panjang, Klang pukul 9.45 malam.



NAJIB Tun Razak dan Rosmah Mansor bersama Muhyiddin Yassin, Dr. Mahathir Mohamad memberi penghormatan terakhir kepada Supritendan Ibrahim Lebar dan Lans Koperal Mohd. Azrul Tukiran yang terkorban dalam serangan hendap di Semporna setibanya jenazah mereka di Lapangan Terbang TUDM Subang, semalam.